

Bantu rakyat beli rumah yang berharga RM150,000 dan ke bawah

Dana BNM sasar golongan B40

Oleh HAIKAL RAMAN

KUALA LUMPUR – Bank Negara Malaysia (BNM) melancarkan Dana Rumah Mampu Milik (Dana BNM) berjumlah RMI bilion sebagai inisiatif membantu golongan B40 memiliki rumah pertama.

Pelaksanaan dana tersebut selaras dengan hasrat Dasar Perumahan Negara 2018-2025 dan 1 Juta Rumah Mampu Milik 2018-2028.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, Dana BNM yang diperkenalkan sejak 2 Januari lalu itu menyasarkan kumpulan berpendapatan tidak lebih RM2,300 bagi pembelian rumah mampu milik berharga sehingga RM150,000.

“Sehingga kini, kami telah menerima 16 permohonan yang mana lima daripadanya telah diluluskan.

“Baki pula masih dalam proses penilaian,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Dana BNM dan portal Rumahku di Sasana Kijang di



GUAN ENG (tengah) bersama Zuraiddin Kamaruddin (dua dari kiri) dan Nur Shamsiah Mohd. Yunus (dua dari kanan) melancarkan Dana BNM di Sasana Kijang, Kuala Lumpur semalam.

sini hari ini.

Turut hadir Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraiddin Kamaruddin; Gabenor BNM, Nur Shamsiah Mohd. Yunus serta Pengerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Anuar Mohd. Hassan.

Guan Eng menjelaskan, syarikat pemaju perumahan juga dilihat banyak membangunkan rumah mampu milik di kawasan

bukan bandar seperti Seberang Perai, Pulau Pinang.

“Sekiranya pelaksanaan Dana BNM mendapat permintaan memberangsangkan, kami akan melanjutkan tempoh sehingga tiga tahun.

“Kami berharap inisiatif ini dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran dan berjaya mencapai objektifnya,” jelasnya.

Sementara itu, menurut Nur

Shamsiah, dana tersebut dijangka mempertingkatkan kemampuan rumah segmen sasaran memiliki rumah pertama dengan kadar pembiayaan yang rendah iaitu sebanyak 3.5 peratus.

“Justeru itu, ia dianggarkan dapat menyumbang kepada ansuran bulanan yang lebih rendah iaitu sebanyak 23 peratus berbanding skim pembiayaan sedia ada.

“Malah, inisiatif berkenaan adalah sejajar dengan komitmen BNM dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang transformatif.

“Bagaimanapun, bagi memastikan pembiayaan rumah terus mampan, kadar pembiayaan rumah perlu mencerminkan kos risiko yang sebenar dihadapi oleh institusi kewangan dengan mengambil kira kos dana, pentadbiran serta risiko kecairan dan kredit pinjaman,” ujarnya.

Dalam pada itu, pemohon wajib mengikuti program pendidikan kewangan yang ditawarkan melalui portal dalam talian dengan disertakan penilaian sendiri lebih mudah dikenali seba-

INFO Dana BNM

- Kadar pembiayaan maksimum sebanyak 3.5 peratus setahun.
- Kelayakan bagi warganegara Malaysia dengan pendapatan maksimum bulanan isi rumah sebanyak RM2,300.
- Tempoh pembiayaan maksimum sehingga 40 tahun atau sehingga berusia 70 tahun (yang mana lebih rendah).
- Kelayakan bagi harga rumah kediaman dalam kategori teres, pangsapuri dan apartmen yang berharga RM150,000 dan ke bawah.
- Pemohon tidak dibenarkan menjual rumah dalam tempoh lima tahun pertama selepas tarikh pengeluaran pembiayaan terakhir.
- Tertakluk pada pengecualian duti setem.

gai Rumahku oleh AKPK.

Institusi kewangan yang terlibat dalam inisiatif Dana BNM adalah Ambank, BSN, CIMB Bank, Maybank dan RHB Bank.